



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (65)
Tarikh : 11 Oktober 2021

SIARAN MEDIA

PROJEK IMPIANA SKY RESIDENSI, BUKIT JALIL DI BAWAH SKIM MYHOME SEDIA UNTUK DIDIAM

PUTRAJAYA, 11 Oktober 2021 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada petang ini meninjau Projek Impiana Sky Residensi Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan seterusnya merasmikan surau di pangsapuri tersebut. Turut hadir ialah YB Dato' Sri Haji Ismail Abdul Mutallib, Timbalan Menteri KPKT dan YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha.

Projek Impiana Sky Residensi Bukit Jalil ini merupakan salah satu daripada 121 buah projek di bawah **Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome)** yang diperkenalkan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 bagi membantu Keluarga Malaysia memiliki kediaman pertama dengan insentif sebanyak RM30,000 seunit.

Sehingga 31 Ogos 2021, sebanyak 9,420 unit rumah di bawah Skim MyHome telah dibina di seluruh Malaysia dengan 7,248 orang pembeli telah menerima manfaat insentif MyHome ini.

Pembangunan Projek Impiana Sky Residensi, Bukit Jalil ini juga merupakan salah satu projek di bawah **Skim MyHome**. Ia mempunyai **508 unit pangsapuri dengan ruang keluasan 850 kaki persegi dengan dilengkapi 3 bilik tidur dan 2 bilik air**. Kemudahan-kemudahan guna sama yang disediakan termasuklah podium tempat letak kereta berbumbung, dewan serbaguna, tadika, surau, pejabat pengurusan,

ruang kedai, taman permainan kanak-kanak dan rumah pengawal serta pelbagai kemudahan lain.

Melalui subsidi RM30,000 yang diberikan oleh Kerajaan melalui MyHome, kediaman ini dapat dimiliki oleh pembeli rumah pertama yang layak pada harga belian **RM270,000** seunit iaitu di bawah harga pasaran. Pembeli juga **tidak perlu membayar deposit 10% daripada harga rumah** kerana ia telah dimasukkan dalam insentif subsidi RM30,000 tersebut.

Projek Pangsapuri Impiana Sky Residensi ini telah memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance – CCC) pada 10 September 2021 di mana notis Pemilikan Kosong telah dikeluarkan bermula 24 September 2021. **Penyerahan kunci dengan temu janji mula dilaksanakan mulai 12 Oktober 2021** selaras dengan pematuhan Standard Operating Procedure (SOP) Majlis Keselamatan Negara. **Penyerahan kunci dijangka selesai sepenuhnya kepada semua pemilik pada 30 November 2021.**

KPKT akan terus memfokuskan kepada matlamat menyediakan perumahan yang selesa untuk Keluarga Malaysia yang merupakan agenda utama KPKT dalam merealisasikan matlamat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui gagasan YB Menteri iaitu “**Liveable Malaysia atau Malaysia Berdaya Huni**”. Ia selari dengan aspirasi dan keprihatinan kerajaan dalam mewujudkan perumahan yang selesa dan mampu milik untuk rakyat.

#KeluargaMalaysia
#BekerjaBersamaRakyat

-TAMAT-

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my